

Didik usahawan capai kejayaan

Negara perlu

tokoh bank

NEGARA memerlukan lebih ramai tokoh bank yang berpandangan jauh serta berkemahiran menanggung risiko untuk mendidik usahawan berpotensi dari peringkat awal perniagaan sehingga mereka mencapai kejayaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kerajaan sudah memperuntukkan \$250 juta untuk Tabung Usahawan Baru bagi menyediakan pembiayaan kos rendah kepada usahawan tetapi sehingga November lalu, hanya \$21 juta sahaja diluluskan untuk 127 projek.

"Dalam keadaan semasa ekonomi yang cergas, sektor bank tidak harus menghadapi masalah untuk membiayai usahawan.

"Kadar kelulusan pinjaman yang rendah dari tabung itu lebih mencerminkan kekurangan barisan baru ahli-ahli bank dan bukannya kekurangan bakal usahawan yang layak mendapat pinjaman," katanya ketika merasmikan Program Penilaian Projek dan Pengurusan Analisis Risiko untuk Ahli-Ahli Bank di Bangi semalam.

Program itu dianjurkan oleh Kelab Harvard Malaysia dengan kerjasama Institut Harvard bagi Pembangunan Antarabangsa dan Institut Bank-Bank di Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata perusahaan kecil dan sederhana perlu diberi segala peluang untuk berkembang kerana mereka ialah tulang belakang pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau menegaskan kawalan undang-undang sudah dilonggarkan untuk mem-

benarkan sektor bank melabur dalam saham-saham syarikat yang baru memulakan operasi.

"Pembiayaan ekuiti sedemikian akan membolehkan lebih banyak projek berpotensi dengan tempoh pulangan modal yang lama, untuk berkembang tanpa perlu bimbang mengenai bayaran balik awal pinjaman sebagaimana yang berlaku dalam pinjaman tradisional," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata ahli bank perlu lebih berani dan bersedia menyediakan modal penerokaan untuk projek yang dikenal pasti berpotensi.

"Kemahiran memilih projek untuk dibiayai perlu dipupuk oleh setiap bank dan harus mengawasi rapi semua projek yang dibiayai," katanya.

"Kemahiran ini biasanya diperolehi berdasarkan pengalaman dan mereka yang mempunyai pengalaman itu harus mengajar ahli bank yang lain," tegasnya.

Perdana Menteri juga mengingatkan sektor bank bahawa mereka tidak seharusnya sentiasa menggunakan cagar dan rekod pencapaian sebagai kriteria untuk meluluskan pinjaman.

"Mereka yang menghasilkan ciptaan juga perlu sedar kebolehan mencipta barangan tidak boleh menjamin keuntungan perniagaan. Pencipta hanya boleh menjadi kaya selepas hasil ciptaan mereka itu dipasarkan.

"Contohnya, Ford tidak mencipta kereta dan Ray Kroc tidak mencipta hamburger. Sebenarnya mereka berjaya memasarkan ciptaan masing-masing dan sektor bank perlu mengiktiraf kebolehan yang

ada pada individu seperti mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata oleh itu, analisis risiko tidak harus terbatas kepada faktor-faktor yang ketara serta melibatkan perangkaan semata-mata. Faktor yang perlu diutamakan ialah peribadi seseorang itu dan kesungguhannya mengatasi segala cabaran, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata seorang tokoh bank pernah berkata bahawa pelanggan yang baik ialah aset berharga yang sukar ditemui kerana biasanya mereka sudahpun mempunyai bank yang memberikan pinjaman.

"Oleh itu, sesebuah bank hanya boleh mendapatkan pelanggan yang baik sekiranya ia "mencuri" pelanggan ataupun memupuk pelanggan sendiri yang berjaya," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata beliau mahu melihat pembentukan pasaran modal tempatan yang lebih mendalam dan lebih berupaya untuk menanggung beban risiko dalam sistem kewangan.

Beliau juga mengingatkan bahawa ahli perniagaan yang jujur dan amanah akan mencapai kejayaan dan ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk memupuk usahawan berjaya.

"Ahli perniagaan perlu sentiasa menepati janji mereka bukan kerana tindakan itu baik bagi perniagaan mereka tetapi mereka mempunyai tanggungjawab untuk berbuat demikian.

"Ini kerana masyarakat yang tidak mempunyai asas amanah yang kukuh tidak akan kekal," tegasnya.